

Sifat, sikap Pak Lah tepati cita rasa rakyat

Oleh Salina Abdullah

BARISAN Nasional (BN) menang besar kerana Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ketenangan dan personaliti Pak Lah memenangi hati dan minda pengundi, khususnya pengundi Melayu, termasuk di Kelantan dan Terengganu.

Pilihan Raya Umum Ke-11 sudah berlalu dan inilah kata-kata yang didengari. Bukan saja daripada pemimpin dan ahli BN serta parti komponennya, malah parti pembangkang tidak dapat tidak, mengakui hakikat ini.

Lebih ketara apabila BN di bawah kepemimpinan Pak Lah berjaya merampas kembali Terengganu selepas merelakan negeri Pantai Timur itu dipimpin Pas pada Pilihan Raya Umum Ke-10.

Begitu juga di Kelantan. Walaupun BN kalah tipis pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), kejayaan menawan kubu kuat Pas pada peringkat Parlimen di negeri Serambi Makkah itu, cukup membuktikan bahawa rakyat negeri jajahan Pas itu sudah goyah kepercayaannya kepada parti yang kini masuk empat penggal bertapak di situ.

Suka atau tidak, pembangkang harus menerima hakikat taring mereka, jika ada pun sudah semakin tumpul. Pilihan rakyat yang jelas mengkehendaki BN pada pilihan raya kali ini, tidak lagi membolehkan parti pembangkang yang menggunakan agama sebagai senjata mereka, mengaum ganas.

Jangan di Kedah atau Pahang, negeri yang digembar-gemburkan akan ditawan Pas kali ini, Terengganu yang berada dalam cengkaman mereka kini juga sudah terlepas dan Kelantan, hampir berjaya ditawan.

Kejayaan BN ini tidak keterlaluan jika dikatakan disumbangkan oleh pengundi Melayu, yang sudah kembali berada di landasan yang betul. Yang dulunya pergi meninggalkan Umno dan BN pada 1999, sudah kembali memberi sokongan.

Jika pada Pilihan Raya Umum 1999, kita dapat saksikan undi Melayu pecah berikutan rasa simpati, terpengaruh, tertipu dengan isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kemunculan Parti Keadilan Nasional (Keadilan), segelintir masyarakat Melayu yang dulunya condong ke arah Keadilan atau berada di atas pagar, sudah tahu membezakan mana intan dan mana kaca.

Pada pilihan raya umum itu, BN hanya mendapat undi popular 56.53 peratus, penurunan ketara berbanding 64.96 peratus pada 1995, walaupun baik sedikit daripada pilihan raya 1990. Buat pertama kali dalam

sejarah, Umno mempunyai jumlah kerusi Parlimen yang kurang daripada separuh jumlah kerusi untuk BN iaitu hanya 72 daripada 148 kerusi BN.

Lebih menakutkan ialah beberapa negeri yang selama ini dianggap kubu kuat Umno menampakkan penurunan undi untuk Umno. Di Johor, BN yang hanya hilang satu kerusi DUN, tetapi undi majoriti bagi pembangkang di negeri itu meningkat menjadi 27 peratus.

Selain faktor Anwar ketika itu, kekalahan Umno sebenarnya bukan kerana kekuatan parti lawan tetapi kerana kelemahan Umno sendiri. Di banyak kawasan majoriti Melayu, undi untuk Umno atau BN merosot teruk. Di banyak tempat, untuk memastikan calon Umno menang, undi kaum Cina dan India menjadi penentu.

Majoriti bagi banyak kawasan pilihan raya juga menjunam. Shah Alam, Hulu Langat dan Gombak, tiga kawasan yang mencatatkan undi majoriti BN yang tertinggi pada 1995 - masing-masing 40,715, 30,878 dan 30,812 - merosot menjadi hanya 1,440, 803 dan 3,866.

Alhamdulillah, 2004 menyaksikan yang 'sesat' sudah pulang. Hasil kajian *Berita Harian* menunjukkan BN mendapat 63.68 peratus atau 4,425,111 daripada 6,949,168 undi kerusi Parlimen pada Pilihan Raya Umum Ke-11. Peratusan ini meningkat berbanding 56.53 peratus atau 3,748,511 undi daripada 6,631,094 undi pada 1999.

Di 117 kerusi yang ditandingi Umno, Umno memperoleh 64.84 peratus atau 2,517,129 daripada 3,882,006 undi di kawasan terbabit (36.22 peratus daripada jumlah undi yang diberikan rakyat kepada BN).

Dari segi kemenangan kerusi Parlimen, Umno berjaya memenangi 109 daripada 117 kerusi yang ditandingi atau 93.2 peratus berbanding kurang 50 peratus atau 72 kerusi daripada 148 kerusi yang ditandingi pada 1999.

Kajian juga menunjukkan pilihan rakyat tidak lagi memihak kepada pembangkang, terutama Keadilan dan DAP, kecuali Pas, apabila peratusan undi yang mereka terima merosot.

Sekali pun Presiden Keadilan, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, berjaya mempertahankan kerusinya di Parlimen Permatang Pauh, peratusan undi yang diterima Keadilan hanya 8.76 peratus atau 608,729 undi

(29.07 peratus daripada 2,094,144 undi di kawasan yang ditandingi Keadilan) berbanding pada tahun pertama percubaannya, 11.67 peratus atau 773,679 undi.

Begitu juga DAP, mereka hanya memperoleh 9.82 peratus atau 682,583 undi kali ini (4.046 peratus daripada 1,686,859 undi di kawasan yang ditandingi DAP) berbanding 12.50 peratus atau 830,870 undi pada 1999.

Undi Pas meningkat sedikit tahun ini, iaitu 15.07 peratus atau 1,046,968 undi (35.21 peratus daripada 2,973,205 undi di kawasan yang ditandingi Pas) berbanding 15 peratus atau 994,279 undi (daripada 6,631,094 undi) pada pilihan raya

Ramai pemerhati politik, malah ahli politik pembangkang sendiri menyifatkan Datuk Seri Abdul Hadi Awang, kini bekas Menteri Besar Terengganu, 'menempah maut' apabila menyerang peribadi Pak Lah. Tanpa membuka mulut dan bersuara walau sepatah terhadap serangan itu, Pak Lah sebenarnya melontarkan senjata paling berbahaya kepada Abdul Hadi dan pakatan pembangkang.

umum lalu.

Jika dilihat aliran undi rakyat di negeri jajahan Pas, Kelantan dan Terengganu pula, 52.49 peratus atau 478,158 daripada 910,895 undi di dua negeri berkenaan memihak kepada Umno, Pas (39.04 peratus atau 355,662 undi) manakala Keadilan hanya 8.06 peratus atau 73,459 undi.

BN atau Umno mendapat 55.36 peratus atau 215,781 undi daripada 389,805 undi di Terengganu, manakala di Kelantan, 50.35 peratus atau 262,377 undi daripada 521,090 undi. Pas mendapat 39.39 peratus atau 153,559 undi di Terengganu dan 38.78 peratus (202,103 undi) di Kelantan, manakala Keadilan hanya 5.29 peratus (20,635 undi) dan 10.14 peratus (55,824 undi) di kedua-dua negeri itu.

Walaupun BN masih gagal 'menyelamatkan' sepenuhnya rakyat di negeri Serambi Makkah itu daripada terus dijajah dan hidup dalam serba kekurangan, pencapaian kerajaan BN pada pilihan raya kali ini amat memberangsangkan dan seharusnya menjadi peringatan dan amaran kepada Pas.

Daripada 14 kerusi Parlimen yang ditandingi, BN berjaya merampas lapan kerusi, namun kalah tipis 21-24 kepada Pas daripada 45 kerusi DUN yang dipertandingkan.

Peratusan pemilih yang keluar mengundi juga amat memberangsangkan iaitu antara 70 peratus hingga lebih 90 peratus. Dengan majoriti penduduk di Kelantan ada-

lah Melayu, peratusan mengundi dan kemenangan besar BN di kerusi Parlimen secara tidak langsung juga menunjukkan majoriti masyarakat Melayu sudah kembali ke pangkal jalan, memilih Umno dan BN.

Setelah 14 tahun dicengkam kemiskinan dan dihipit kepayahan di bawah kepemimpinan Pas, rakyat akhirnya terjaga daripada lena dan akur bahawa mereka memerlukan perubahan. Malang sedikit, penguasaan BN tidak mutlak pada peringkat negeri. BN gagal membentuk kerajaan di negeri berkenaan. Namun, dengan 21 wakil, sedikit sebanyak rakyat Kelantan pasti akan mendapat tempas pembangunan Kerajaan Persekutuan ke arah melahirkan rakyat dan negara cemerlang, gemilang dan terbilang.

Pensyarah Fakulti Pengajian Media dan Komunikasi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Madya Dr Baharuddin Aziz, berkata perubahan itu, khususnya di kalangan pengundi Melayu sebenarnya dipeengaruhi personaliti Pak Lah sendiri di samping kestabilan negara ketika ini.

Katanya, Pak Lah mempunyai satu sifat semula jadi yang memihak kepada beliau. Personalitinya indah, menyejukkan dan menonjolkan kestabilan.

"His charm and personality won the hearts and minds of the Malay voters (Ketenangan dan personalitinya memenangi hati dan pemikiran pengundi Melayu). Apabila pergi mengundi dan tenung gambar Pak Lah, tiada siapa yang tak suka kepada beliau. Semua akan berasa tenang dan dalam tenang ini, pengundi memilih beliau," katanya.

Apa yang lebih penting, Pak Lah seorang 'absorber'. Beliau 'menyerap' - menerima dengan terbuka segala cacian yang dilemparkan pembangkang kepadanya. Pak Lah ada personaliti yang memberi ketenangan.

Beliau tidak suka caci-mencaci. Tiada siapa yang boleh menafikan, sifat murni beliau ini menjadi kunci kepada kejayaan BN dan Umno pada pilihan raya ini sekali gus mendorong rakyat, termasuk di Kelantan dan Terengganu untuk memberi mandat besar kepada kerajaan pimpinannya.

Beberapa pemerhati politik berpendapat, sifat dan sikap Pak Lah itu menepati cita rasa rakyat, khususnya orang Melayu. Orang Melayu, kata mereka, sejak dulu lagi memang

sukakan 'stabilizer', orang yang tenang dan tidak sukakan ketegangan.

Ramai pemerhati politik, malah ahli politik pembangkang sendiri menyifatkan Datuk Seri Abdul Hadi Awang, kini bekas Menteri Besar Terengganu, 'menempah maut' apabila menyerang peribadi Pak Lah. Tanpa membuka mulut dan bersuara walau sepatah terhadap serangan itu, Pak Lah sebenarnya melontarkan senjata paling berbahaya kepada Abdul Hadi dan pakatan pembangkang.

Namun, jangan salah percaturan. Air yang tenang jangan disangka tiada budaya. Dalam kelembutan yang dipamerkan, Pak Lah tegas dalam tindak tanduknya. Pak Lah tidak 'main-main' apabila beliau berkata, beliau akan memerangi rasuah. Penahanan seorang menteri Kabinetnya sendiri, Tan Sri Kasitah Gadam, berikutan tuduhan rasuah cukup membuktikan ketegasan dan kesungguhan beliau membawa perubahan.

Pak Lah tidak pilih bulu apabila bertindak. Ikan bilis atau ikan jerung, semuanya pasti tersangkut di pukat Pak Lah.

Justeru, apabila Perdana Menteri memberi amaran kepada wakil rakyat untuk benar-benar menjadi 'hamba' atau 'kuli' rakyat, jadilah 'hamba' atau 'kuli' rakyat. Jangan terlalu ghairah untuk bergelar YB, kononnya YB itu Yang Berhormat sedangkan hakikatnya, YB itu Yang Berkhidmat, Yang Bekerja dan apa saja yang sesuai bagi menggambarkan mereka ini bekerja untuk rakyat.

"Kebanyakan wakil rakyat ini sombong selepas dilantik sedangkan mereka sebenarnya dipilih rakyat untuk mewakili rakyat," keluh seorang rakyat dalam e-melnya kepada Pak Lah, yang dibacakan ketika wawancara bersama Perdana Menteri, di sebuah stesen televisyen baru-baru ini.

Apa jaminan Pak Lah, barisan wakil rakyatnya tidak berjalan menongkat langit, sebaliknya berpijak di bumi nyata? Jelas Pak Lah: "Mereka perlu mematuhi etika wakil rakyat, diawasi dan prestasi dinilai."

Untuk tujuan itu, Pak Lah berkata setiap wakil rakyat dikehendaki mengemukakan 'report card' - laporan mengenai prestasi masing-masing.

Calon BN pada pilihan raya umum baru-baru ini, termasuk muka baru berkata, mereka akan mematuhi syarat itu malah bersedia untuk tidak dipilih semula jika gagal mencapai tahap indeks prestasi yang ditetapkan. Semoga janji dikota. Selamat berkhidmat kepada semua Yang Berkhidmat.